

# PM jamin Keating tidak dilempar cat

26 NOV 1993

PEKAN, Khamis — Perdana Menteri Australia, Paul Keating, yang menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai 'keras kepala' boleh melawat negara ini bila-bila masa.

Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan sehari ke negeri ini, hari ini, berkata terpujanglah kepada Keating bagi menetapkan tarikhnya untuk datang melawat Malaysia.

Menjawab soalan pemberita berhubung laporan akhbar Australia mengenai kemungkinan Keating dijadualkan melawat negara ini tahun depan, beliau berkata:

"Ketika Allahyarham Tun Razak melawat Australia dahulu, beliau dibaling dengan cat dan dibuat macam-macam, tetapi kita senyap saja.

"Kita memberi jaminan tidak akan membaling cat kepadanya (Keating) jika dia datang ke Malaysia".

Dr Mahathir berkata demikian selepas majlis penyerahan 40 trak pacuan empat roda *Pinzgauer* kepada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, untuk kegunaan angkatan tentera darat di Kawasan Perindustrian Peramu Jaya di sini, hari ini.

Perdana Menteri juga mengambil kesempatan memandu uji trak itu selama setengah jam sebelum melawat kilang memasang bas dan kenderaan lain milik AMM.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, adalah amat sukar bagi Malaysia menjalin hubungan baik dengan Australia, yang mempunyai sikap 'tidak beradab' seperti orang Asia.

Mengenai gesaan Pergerakan Pemuda Umno supaya kerajaan mengurangkan hubungan diplomatik dengan Australia, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkajinya daripada pelbagai sudut sebelum mengambil sebarang keputusan muktamad.

"Oleh kerana Pemuda Umno mengemukakan pandangan itu dan ia adalah sebahagian daripada Umno yang mendokong kerajaan, kita mesti mengambil perhatian mengenainya," kata beliau.

Naib Ketua Pemuda Umno, Senator Datuk Nazri Tan Sri Aziz, dalam kenyataannya semalam memberi tempoh seminggu kepada Australia meminta maaf dan memberi penjelasan berhubung kenyataan Keating terhadap Dr Mahathir.

Mengenai pendirian Barisan Nasional Negeri Sarawak (BN3) bersetuju menerima semula kemasukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menyertai gabungan itu, Dr Mahathir menyambut baik perkembangan itu.

Menurutnya, daripada awal lagi Barisan Nasional (BN) pusat tidak menolak parti itu tetapi di peringkat negeri berkenaan, ia tidak bersama BN3 disebabkan masalah tertentu.